

11/02/1998

Rafidah perjelas perbezaan Amanah Saham Wanita

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menjelaskan, Amanah Saham Wanita yang dibincangkan dalam Kabinet Rabu lalu, berbeza daripada Amanah Saham Wanita yang dirancang pembentukannya oleh Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, pada mesyuarat Kabinet itu, beliau mencadangkan supaya diwujudkan tabung Amanah Saham Wanita di bawah kelolaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk pertimbangan kerajaan.

"Memandangkan ramai wanita di negara ini mahukan satu saluran pelaburan khusus buat mereka, saya mencadangkan kerajaan memberi pertimbangan menubuhkan Amanah Saham Wanita di bawah kelolaan PNB," katanya kepada Berita Harian..

Beliau diminta mengulas Amanah Saham Wanita seperti dicadangkannya kepada Kabinet berbanding Amanah Saham Wanita yang bakal dilancarkan oleh Wanita BN dalam fasa kedua Akaun Ehsan Wanita.

Khamis lalu, bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno itu dilaporkan berkata, PNB disaran menubuhkan Amanah Saham Wanita iaitu dana khas yang memanfaatkan lebih 10.2 juta wanita di negara ini.

Kenyataan itu menimbulkan kekeliruan kerana beberapa hari sebelum itu, Pengerusi Wanita BN, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman memperkatakan mengenai Akaun Ehsan Wanita yang dilancarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu.

Dr Siti Zaharah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno turut menyatakan, fasa kedua Akaun Ehsan Wanita yang membabitkan pembentukan Amanah Saham Wanita, dijangka dilancarkan sebelum akhir tahun ini.

Dana itu akan dikendalikan oleh Metrowangsa Asset Management dan Hijrah Asset Managers.

Rafidah berkata, amanah saham wanita yang dicadangkannya itu terbuka kepada semua wanita di Malaysia, berbilang kaum dengan nilai pelaburan serendah RM10, sama seperti amanah saham lain yang dikendalikan PNB.

Menurutnya, ia boleh disebut Amanah Saham Wanita Malaysia atau Amanah Saham Bakti Wanita untuk menunjukkan wanita berbakti kepada negara.

"Ia juga boleh dibuka kepada wanita di bawah umur dengan akaun amanah saham itu dipegang oleh penama, sama ada ibu, nenek, emak saudara atau seorang wanita lain," katanya.

(END)